

BULI SIBER

LUKA EMOSI DALAM DUNIA TANPA SEMPADAN

Ada ketikanya, penulis berfikir sendirian "Jika dahulu, isu buli hanya berlaku di kawasan sekolah atau di asrama, namun kini pembuli boleh mengekori mangsa hingga ke rumah, melalui telefon pintar." Itulah realiti dunia digital yang kian menggerunkan, iaitu ancaman buli siber. Dalam era digital yang semakin pesat membangun, ruang maya kini telah menjadi medan baharu interaksi sosial. Ruang maya kini bukan sahaja telah mencipta peluang besar untuk berkongsi ilmu dan berhubung tanpa sempadan, malah mendatangkan sisi gelap kepada sesetengah individu, iaitu ancaman buli siber. Ancaman ini bukan sekadar isu teknologi, malah menyentuh aspek psikologi, emosi dan lebih parah boleh meragut nyawa.

Luka yang Tidak Kelihatan


Ancaman buli siber boleh meninggalkan luka emosi yang lebih mendalam dan berbeza daripada luka fizikal yang boleh dilihat dan dirawat oleh doktor. Dalam kebanyakan kes, buli siber boleh berlaku secara berulang kali selama hampir 24 jam sehari. Oleh itu, bayangkan perasaan individu yang dibuli secara siber "hidup" di dalam bilik gelap yang tiada pintu keluar. Peranti teknologi seperti telefon pintar yang seharusnya menjadi alat bantu pembelajaran atau hiburan kini bertukar menjadi "alat penderaan mental."

Pada tahun 2025, *Malaysian Communication and Multimedia Commission* (MCMC) telah menerima laporan sebanyak 8756 aduan berkaitan dengan buli siber. Angka ini semakin meningkat berbanding dengan tahun 2024, iaitu sebanyak 1763 aduan. Peningkatan angka ini menunjukkan pencerobohan digital yang serius dan memerlukan peningkatan kawalan serta kesedaran

segera untuk mengawal tingkah laku pengguna dalam talian. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa isu buli siber bukan perkara yang boleh dianggap remeh oleh semua pihak.

Mengapakah Buli Siber Berbahaya?

Ancaman buli siber ini sememangnya berbahaya kepada pengguna kerana kebanyakan mangsa tidak mempunyai ruang untuk "lari" ke tempat yang lebih selamat selagi mereka menggunakan media sosial. Hal ini demikian kerana pembuli



akan hadir dalam setiap platform alam maya. Lebih menggerunkan apabila pembuli menggunakan taktik penyamaran untuk membuli seseorang tanpa perasaan bersalah.

Di samping itu, perbuatan ini juga sering disertai dengan penyalahgunaan teknologi seperti palsu tulen (deepfake) atau video kecerdasan buatan (AI). Pembuli siber bukan hanya menjatuhkan maruah mangsa, malah merosakkan reputasi mereka untuk jangka panjang. Akibatnya, mangsa yang dibuli akan mengalami tekanan psikologi yang berpanjangan dan boleh membawa kepada kemurungan, pengasingan sosial atau lebih parah lagi mengakibatkan kematian.

Hubungan antara Keselamatan Siber dengan Buli Siber

Dari sudut psikologi, buli siber mungkin hanya melibatkan perbuatan individu, namun lebih parah apabila terkait dengan keselamatan siber. Keselamatan siber merujuk amalan melindungi sistem komputer, rangkaian, peranti dan data digital daripada serangan atau akses tanpa kebenaran. Terdapat kes buli siber yang melibatkan akaun media sosial digodam oleh pembuli sehingga membolehkan pembuli menyamar sebagai mangsa untuk menjatuhkan maruah mereka. Pencurian identiti digital membolehkan maklumat peribadi digunakan oleh penjahat untuk ugutan dan menyebarkan maklumat palsu sehingga boleh mendatangkan fitnah.


Dalam konteks ini, kelemahan keselamatan siber telah mendorong individu untuk dieksploitasi oleh pembuli siber. Oleh itu, masyarakat harus berwaspada dan bertindak segera untuk membina kesedaran tentang keselamatan siber. Keselamatan siber bukan hanya melindungi data peribadi, namun menjaga kesejahteraan mental masyarakat.

Peranan Masyarakat dalam Menangani Buli Siber

Usaha untuk menangani isu buli siber bukan tanggungjawab pihak berkuasa sahaja, namun ibu bapa, guru, pihak sekolah dan masyarakat juga memainkan peranan. Sebagai contoh, ibu bapa perlu mengawal dan mengehadkan masa anak-anak menggunakan media sosial. Selain itu, mereka juga perlu mengeratkan hubungan kekeluargaan dengan mengadakan perbualan terbuka antara ibu bapa dengan anak-anak untuk berkongsi tentang pengalaman digital mereka.

Di samping itu, pihak sekolah dan guru juga boleh mengadakan ceramah atau sesi pembelajaran berkaitan dengan literasi digital. Pelajar boleh didedahkan dengan penggunaan peranti digital yang selamat, risiko yang mungkin berlaku dan cara mengendalikan risiko sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.

Sebagai masyarakat yang prihatin dan bertanggungjawab, kita harus berfikir positif dan



menghentikan budaya negatif yang suka mengejek atau mengutuk seseorang. Rentetan daripada isu ini, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (2025) telah menguatkuasakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2025 dan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2025 bagi memberikan tindakan tegas terhadap isu buli, termasuklah buli siber, agar pelaku dihukum dengan adil dan pemangsa mendapat keadilan yang sewajarnya.

Kesimpulan

Dalam dunia digital yang semakin pesat membangun kini, setiap individu bertanggungjawab melindungi dan menapis perkara yang dikongsi dalam media sosial. Mereka juga perlu mempunyai kawalan sendiri sebelum berkongsi sesuatu dalam platform media sosial. Dalam berinteraksi pula, mereka harus berwaspada dengan perkataan yang ditulis kerana mungkin menyinggung perasaan orang lain. Sebagai individu yang mempunyai kesedaran dan ilmu berkaitan dengan dunia digital, saluran rasmi untuk melaporkan buli siber wajar digunakan agar tindakan sewajarnya boleh diambil segera dan jangan sesekali memilih untuk berdiam diri.

Kepesatan kemajuan teknologi tidak pernah salah, tetapi cara manusia menentukan arah kegunaannya boleh membawa padah. Keselamatan siber bukan sekadar melindungi data, namun melindungi jiwa dan emosi manusia di sebalik skrin. Ruang teknologi ini boleh dijadikan sebagai taman ilmu yang indah dengan saling bertukar-tukar pendapat, bukan medan buli yang meragut nyawa. Pilihan berada di tangan anda. ▶